# LAPORAN TINJAUAN
# RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR 2030 (KAJIAN SEMULA)

## Apa dia Rancangan Struktur Negeri?

Rancangan Struktur (RS) diperlukan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172. Penyediaan Rancangan Struktur Negeri adalah untuk melengkapkan sistem perancangan fizikal negara yang terdiri daripada 3 peringkat iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD).

Rancangan Struktur Negeri berfungsi untuk menterjemahkan dasar-dasar Rancangan Fizikal Negara dalam perancangan pembangunan fizikal negeri;

- Mewujudkan perancangan yang bersepadu di peringkat negeri;
- Memandu arah pembangunan fizikal negeri;
- Mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan spatial negeri (inter-states disparities); dan
- Memenuhi peruntukan Akta 172.

## Teras Perancangan RSN Johor

- **Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang Konurbasi Selatan dan Luar Konurbasi Selatan**
- ***Connectivity* Rangkaian Sistem Perhubungan dan Pengangkutan**
- **Kesejahteraan dan Kelestarian Negeri Johor**
- **Tadbir Urus Mantap dan berdaya saing**

## Keperluan Kajian Semula RSN Johor

i. Dokumen RSN Johor 2020 telah disediakan pada tahun 2001 dan diwartakan pada 3 Januari 2008. Maklumat serta data-data perancangan yang terdapat di dalam dokumen RSN ini tidak dikemaskini secara berkala;

ii. Terdapat perubahan dasar dan strategi di peringkat Negeri Johor dan Daerah khususnya selepas kewujudan Wilayah Iskandar Malaysia dan pembentukan Daerah Tangkak dan Kulai dan penubuhan PBT-PBT baru;

iii. Terdapat tekanan pembangunan projek-projek mega di kebanyakan daerah yang memberi kesan kepada perubahan strategi dan halatuju pembangunan Negeri Johor; dan

iv. Terdapat pelbagai pelan pembangunan yang telah disediakan yang memberi impak terhadap pembangunan gunatanah.

## EKONOMI JOHOR

**KDNK Johor : RM 98,880 juta ke-2 terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Selangor - WP KL; penyumbang ke- 4 KDNK Malaysia : RM 1,062,805 juta (2015)**

## Siapakah pihak-pihak yang akan menerima faedah?

**Rancangan struktur adalah untuk kegunaan Kerajaan Negeri dalam menentukan tuju arah pembangunan negeri dengan mengambilkira segala potensi dan sumberjaya negeri tetapi pada masa yang sama memastikan kelestarian alam sekitar semulajadi. Rakyat adalah penerima faedah jangka panjang dengan penyediaan peluang pekerjaan, penetapan sasaran pembangunan perumahan mampu milik, dan penyediaan dasar-dasar yang memastikan kelestarian alam sekitar.**

## Matlamat Pembangunan Negeri Johor 2030

**JOHOR NEGERI MAJU BERPENDAPATAN TINGGI DISOKONG PERTUMBUHAN SAKSAMA, BERASAS KEBITARAAN DAERAH, BERARUSPERDANAKAN KELESTARIAN DAN BERPAKSIKAN RAKYAT**

## Objektif Pembangunan Negeri Johor 2030

- **Melonjak pertumbuhan spatial dan ekonomi yang strategik dan mampan secara transformatif ke arah NEGERI MAJU BERPENDAPATAN TINGGI, mengangkat negeri sebagai kuasa ekonomi utama di Malaysia yang kekal berdaya saing dan berdaya tahan di persada dunia**
- **Kepentingan rakyat dan SUARA HATI JOHOR sentiasa menjadi agenda utama Negeri Johor membangun untuk kehidupan rakyat Johor yang sejahtera, inklusif dan berkualiti.**
- **Mengarusperdanakan KELESTARIAN NEGERI melalui pemeliharaan aset semulajadi dan warisan tradisi budaya rakyat Johor yang tidak ternilai, berdaya tahan mendepani cabaran perubahan global.**
- **PERTUMBUHAN YANG SEIRING antara wilayah ekonomi dan setiap daerah berlandaskan kebitaraan setempat bagi mendokong pembangunan spatial negeri yang lestari**

## Gunatanah Negeri Johor 2015




*Sumber : Kajian RSN Johor 2030 , (2015)*

## Profil Dan Unjuran Kependudukan Negeri Johor 2015

- **Kepadatan Penduduk (2015) 185 orang per km2**
- **Migrasi Bersih (2005-2010)**

  **Daerah Johor Bahru;**

  **+ 7,584 orang**

  **Daerah Kulai;**

  **+ 5,025 orang**

  **Daerah Batu Pahat;**

  **- 4,051 orang**

  **Daerah Muar;**

  **2,921 orang**
- **Bukan Warganegara**

  **277,200 (7.8%)**

- **Jumlah Penduduk Johor 2015,3.55 juta orang dengan KPPT 2.25% dan meningkat 6.06 juta orang dengan KPPT 3.62% pada 2030;**
- **Bilangan Isirumah 2015, 897,461 isi rumah meningkat kepada 1,746,864 isi rumah dalam tahun 2030**
- **Penduduk dalam kornubasi Selatan 51.1% berbanding 48.9% di luar kornubasi**
- **Saiz Purata Isirumah (2015) 4.02 orang per isirumah**
- **Kadar Perbandaran (2010) 71.8%**

## KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL NEGERI JOHOR 2030




## HALA TUJU STRATEGI DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR



Matlamat Pembangunan Negeri Johor -

**JOHOR NEGERI MAJU BERPENDAPATAN TINGGI DISOKONG PERTUMBUHAN SAKSAMA BERASAS KEBITARAAN DAERAH, BERARUSPERDANAKAN KELESTARIAN DAN BERPAKSIKAN RAKYAT**

## APAKAH PERANAN ANDA ?

**Anda boleh memeriksa Laporan Tinjauan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 sepanjang Program Publisiti diadakan.**

## ANDA MEMPUNYAI BANTAHAN / CADANGAN / MAKLUMBALAS ?

**Sekiranya anda mempunyai bantahan / cadangan / maklumbalas terhadap laporan tersebut, anda dialu-alukan untuk mengemukakan borang penyertaan yang disediakan dan mengembalikan kepada alamat yang dinyatakan di dalam borang tersebut bermula 1 Ogos 2017 hingga 1 September 2017**

## LOKASI SEMAKAN :

1. PLANMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor)
2. Majlis Bandaraya Johor Bahru
3. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
4. Majlis Perbandaran Pasir Gudang
5. Majlis Perbandaran Kulai
6. Majlis Perbandaran Batu Pahat
7. Majlis Perbandaran Muar
8. Majlis Perbandaran Kluang
9. Majlis Daerah Pontian
10. Majlis Daerah Yong Peng
11. Majlis Daerah Simpang Renggam
12. Majlis Daerah Labis
13. Majlis Daerah Segamat
14. Majlis Daerah Kota Tinggi
15. Majlis Daerah Mersing
16. Majlis Daerah Tangkak
17. Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang

## ANDA MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN ? Sila Hubungi :

**PLANMalaysia@Johor**
**(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor)**
**Tel : 07 - 2667200 / 07 - 2667201**

Dengan kerjasama ;

PLANMalaysia@PPZS
PEERS Consult(M) Sdn.Bhd.

# JOHOR 2030

## Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Kajian Semula) Laporan Tinjauan

**Program Publisiti Dan Penyertaan Awam**

**(1 Ogos 2017 – 1 September 2017)**
**9.00 pagi – 4.00 petang**
**(Hari Bekerja Sahaja)**

PLANMalaysia@Johor